



**GARIS PANDUAN LAYANAN CUKAI BAGI
PERBELANJAAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI BAWAH
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 (APCP)**

1. PENGENALAN

- 1.1 Cukai pendapatan petroleum adalah cukai yang dikenakan atas Orang Yang Boleh Dikenakan Cukai (OBD) ke atas pendapatan yang diperolehi daripada operasi petroleum hulu menurut seksyen 3, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP).
- 1.2 Operasi petroleum bagi maksud garis panduan ini merujuk kepada tafsiran seperti dinyatakan dalam subseksyen 2(1) APCP.
- 1.3 Bagi maksud garis panduan ini, perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) adalah merujuk kepada perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (termasuk kajian atau *study*) yang dilakukan oleh OBD bagi memastikan peningkatan kecekapan proses atau penambahbaikan dalam pengeluaran dan penghasilan produk sedia ada iaitu minyak mentah dan gas asli.

2. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan bagi memberi penjelasan berhubung layanan cukai ke atas perbelanjaan yang dilakukan bagi aktiviti R&D dalam operasi petroleum oleh OBD di bawah subseksyen 15(1) dan perenggan 1 Jadual Pertama di bawah APCP.

3. LAYANAN CUKAI

- 3.1 Perbelanjaan R&D dalam fasa eksplorasi sehingga sebelum pengeluaran, boleh dituntut di bawah Jadual Pertama, APCP sebagai Perbelanjaan Eksplorasi Yang Layak (*Qualifying Exploration Expenditure – QEE*) sekiranya memenuhi peruntukan di bawah Jadual tersebut.
- 3.2 Layanan cukai bagi perkara 3.1 di atas terpakai untuk OBD selain daripada Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand.
- 3.3 Perbelanjaan R&D dalam fasa pengeluaran boleh dibenarkan potongan di bawah subseksyen 15(1) APCP sekiranya memenuhi peruntukan di bawah subseksyen tersebut.
- 3.4 Perbelanjaan aktiviti R&D yang dibiayai melalui mana-mana pemberian, geran atau subsidi, tidak layak diberi potongan cukai di bawah subseksyen 15(1) dan Jadual Pertama, APCP.
- 3.5 Contoh-contoh perbelanjaan R&D boleh dirujuk seperti di Lampiran 1.

4. PENAFIAN

Contoh di dalam garis panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

22 Jun 2023

s.k : LHDN.01/35/(S)42/51/343

Bil	Jenis perbelanjaan R&D	Dibenarkan potongan / tuntutan		Tidak dibenarkan potongan / tuntutan	
		Subseksyen 15 (1) APCP	Jadual Pertama APCP -QEE	Subseksyen 15 (1) APCP	Jadual Pertama APCP -QEE
1.	Kajian mengenai penilaian ke atas hakisan dan komposisi mekanikal saluran paip dari perspektif bahan pepejal, salutan, lapisan dan kimpalan, melalui ujian makmal yang disimulasi dalam persekitaran CO ₂ yang tinggi untuk tujuan penyelenggaraan.	✓ (Fasa pengeluaran)	✓ (Fasa eksplorasi dan pembangunan)		
2.	Kajian tentang peningkatan model hakisan sedia ada untuk mengambil kira kesan bagi beberapa fasa aliran telaga penuh yang mengandungi <i>waxy gas condensate</i> dan asid organik untuk tujuan penyelenggaraan.	✓ (Fasa pengeluaran)	✓ (Fasa eksplorasi dan pembangunan)		
3.	Kajian mengenai bahan paip bukan logam untuk saluran paip luar pesisir dan aplikasi <i>riser</i> , termasuk:	✓ (Fasa pengeluaran)	✓ (Fasa eksplorasi dan pembangunan)		

Bil	Jenis perbelanjaan R&D	Dibenarkan potongan / tuntutan		Tidak dibenarkan potongan / tuntutan	
		Subseksyen 15 (1) APCP	Jadual Pertama APCP -QEE	Subseksyen 15 (1) APCP	Jadual Pertama APCP -QEE
	• Ketahanan Kakisan Bakteria Pengurangan Sulfat (SRB). • Penggunaan di air cetek (sehingga kedalaman air 10m). • Tekanan reka bentuk sehingga 37.5 MPa • Suhu reka bentuk sehingga 85-darjah C.				
4.	Kajian yang dijalankan untuk menentukan <i>pipe coating</i> yang lebih baik untuk menghasilkan aliran hidrokarbon yang optimum	✓ (Fasa pengeluaran)	✓ (Fasa eksplorasi dan pembangunan)		
5.	Kajian mengenai pembangunan blok baharu PSC yang masih belum dianugerahkan.			✓	✓

Jadual 1 : Contoh-contoh Perbelanjaan R&D